

◆ Utusan Malaysia - 29 September, 2006

KUALA LUMPUR ◆ Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mendesak kerajaan menurunkan harga siling ayam sekarang dari RM6.70 sekilogram kepada RM5.40 sekilogram.

Presidennya, N. Marimuthu berkata, ia bagi mengelakkan peniaga mengaut untung sewenang-wenangnya apatah lagi harga siling yang ditetapkan sekarang terlalu tinggi.

Beliau juga menggesa menteri yang bertanggungjawab supaya lebih tegas dan menggunakan kuasa yang ada untuk menurunkan harga siling ayam.

◆◆ Jangan terlampau tunduk kepada kehendak peniaga sehingga boleh menaikkan harga begitu sahaja tanpa perlu melaporkan kepada kementerian.

◆◆ Sudah tiba masanya kementerian jangan melayan permintaan pihak penternak atau pemborong yang cuba mengambil kesempatan dengan kelembutan kerajaan sekarang, ◆◆ katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan bahawa Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) mengumumkan kenaikan harga ayam sehingga 40 sen bermula hari ini.

Dengan kenaikan itu, harga runcit ayam siang tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal kini RM6.05 sekilogram.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr. Maamor Osman turut menggesa kerajaan menurunkan harga siling ayam dengan segera.

Beliau berkata, harga siling yang tinggi mendorong pihak tertentu untuk mengambil kesempatan dengan menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya.

◆◆ Kenaikan harga ayam dua kali dalam seminggu adalah tidak masuk akal dan ini menunjukkan kerakusan pihak tertentu untuk mengaut keuntungan lebih.

◆◆ Kalau betul permintaan ayam meningkat, berapakah peningkatannya. Mereka (penternak) perlu menunjukkan bukti sahih kepada kerajaan bahawa permintaan ayam meningkat di bulan Ramadan, ◆◆ katanya.